



BAHAGIAN ISTIADAT DAN URUSETIA PERSIDANGAN ANTARABANGSA
JABATAN PERDANA MENTERI
Aras 5-6, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8890 2429
03-8888 3903

SULIT

PM (S) 11486/29/46 (1)
17 Disember 2018

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan
Pengerusi/Ketua Pengarah Badan-Badan Berkanun

YB/ YBhg./ Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Tuan/ Puan,

PENCALONAN PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN TAHUN 2019

Adalah saya dengan penuh hormatnya memaklumkan bahawa bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV bagi tahun 2019, Jabatan ini selaku Urus Setia kepada Jawatankuasa Tetap Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP) mempelawa pihak YB/ YBhg./ Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan bagi pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2019.

2. Kategori pencalonan dan borang berkaitan adalah seperti berikut:

Kategori	Borang Pencalonan
Perkhidmatan Awam	A
Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun	B
Swasta/Persatuan/Sukarela/Sukan	C
Warganegara Asing (Kehormat)	D
Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia	E
Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia	F

3. Untuk makluman YB/ YBhg./ Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Tuan/ Puan, setiap borang pencalonan mempunyai nombor siri unik di penjuru atas sebelah kanan borang. Oleh itu, setiap pencalonan akan mempunyai nombor siri yang berlainan dan **tidak boleh dibuat salinan**. Setiap pencalonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang pencalonan yang asal.

SULIT

SULIT

4. Pihak YB/ YBhg./ Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Tuan/ Puan boleh **memuat turun borang-borang pencalonan** tersebut dan **panduan pencalonan** daripada laman web rasmi Jabatan ini iaitu **www.istiadat.gov.my** mulai **14 Disember 2018 (Jumaat)**. Kerjasama pihak YB/ YBhg./ Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memastikan borang-borang pencalonan tersebut diisi dengan lengkap dengan merujuk panduan pencalonan yang berkenaan. Borang pencalonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti berikut:

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA**

5. Adalah dimaklumkan juga bahawa, tarikh tutup penerimaan borang pencalonan yang telah lengkap diisi adalah pada **28 Februari 2019 (Khamis)**. Pencalonan yang diterima selepas tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan** untuk proses selanjutnya. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan kepada Urus Setia di talian 03-8872 6639/ 6640/ 6642/ 6643/ 6661/ 6662.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK KAMIS BIN SAMIN)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
b.p. Ketua Setiausaha Negara
☎ 03 - 8872 6602 | 📠 03 - 8888 3981 | ✉ kamis@istiadat.gov.my

SULIT